



Submission: 15/02/2022 Accepted: 09/06/2022 Published: 29/09/2022
DOI: 10.33102/abqari.vol27no1.519

HURAIAN TEMA AYAT-AYAT BERKAITAN DOA DI DALAM AL-QURAN

Theme Description of Quranic Verses Related to Prayer in the Quran

Husna Husain
Universiti Pendidikan Sultan Idris

husnahusain@fsk.upsi.edu.my

Abstract

The Qur'an displays verses related to prayer in various surahs either Makkiyyah or Madaniyyah. This study aims to identify the sub-themes that can be explained through the verses related to prayer in the Qur'an, in addition to analyzing the verses briefly. This study is based on qualitative research methods by document analysis that is sources from the book of Turath and contemporary as well as the latest scientific studies as an important source for this study. The thematic tafsir approach according to Mustafa Muslim is also applied in analyzing the verses related to prayer. The results of the study found that there are a variety of sub-themes stated in the Qur'an from the verses related to this prayer, including the encouragement and advantages of praying, prohibition of praying to other than Allah SWT, the invalidity of praying to other than Allah SWT, human habits in praying, manners and prayer guides and prayer-related verses. This shows that the life of Muslims is closely engaged with pray to Allah SWT because of the high values of prayer in Allah's sight.

Keyword: Prayer, prayer in the Quran, theme of prayer verses.

Abstrak

Al-Quran memaparkan ayat-ayat berkaitan doa dalam pelbagai surah sama ada surah Makkiyyah atau Madaniyyah. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti sub-sub tema yang boleh dijelaskan melalui ayat-ayat berkaitan doa di dalam al-Quran ini, di samping menganalisis ayat-ayat tersebut secara ringkas. Kajian ini adalah berasaskan metod kajian kualitatif secara analisis dokumen iaitu sumber-sumber dari kitab turath dan kontemporari serta kajian-kajian ilmiah terkini sebagai sumber

penting untuk kajian ini. Pendekatan tafsir tematik menurut Mustafa Muslim juga turut diaplikasikan dalam menganalisis ayat-ayat yang berkaitan dengan doa. Hasil kajian mendapat terdapat kepelbagaiannya sub tema yang dinyatakan di dalam al-Quran daripada ayat-ayat berkaitan doa ini, antaranya galakan dan kelebihan berdoa, larangan berdoa kepada selain dari Allah SWT, kebatilan berdoa kepada selain Allah SWT, tabiat manusia dalam berdoa, adab dan panduan berdoa dan ayat-ayat berkaitan doa. Ini menunjukkan bahawa kehidupan umat Islam tidak terpisah dari berkehendak kepada memohon dan berdoa kepada Allah SWT kerana kedudukan dan kelebihan yang ada dalam ibadah doa itu sendiri.

Kata kunci: Doa, Doa dalam al-Quran, Tema ayat doa.

PENDAHULUAN

Berdoa adalah satu bentuk ibadah dalam Islam, sebagaimana dinyatakan oleh Rasulullah SAW (Sunan Abu Daud: no. hadith 1472). Ia bukan semata-mata ibadah umum, bahkan antara perkara tunjang dan utama dalam ibadah seseorang (Al-Khattabi 1404H: 5). Doa adalah manifestasi hubungan dan permintaan seorang manusia atau hamba kepada PenciptaNya yang bersifat hubungan secara vertikal dari bawah ke atas. Jika permintaan itu datang dari atas ke bawah iaitu dari Pencipta kepada makhluk, ia tidak dianggap sebagai doa sebaliknya ia adalah satu perintah. Justeru, pastinya doa seorang hamba kepada Pencipta memiliki matlamat tertentu yang pasti iaitu untuk dimakbulkan, dan ia bukannya perbuatan yang sia-sia, sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Ghafir ayat 60 ini.

وَقَالَ رَبُّكُمْ ادْعُونِي أَسْتَجِنْ لَكُمْ

Bermaksud: Dan Tuhan kamu berfirman: "Berdoalah kamu kepada Ku nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu.

Imam Al-Tabari mentafsirkan ayat ini dengan menyatakan bahawa Allah SWT memerintahkan hambaNya supaya berdoa dan menyembahNya dengan ikhlas tanpa menyekutukanNya dengan sesuatu sembahana dan berhala yang lain (Al-Tabari tt: 6/439). Perintah yang sama turut dinyatakan dalam surah al-A'raf ayat 55 dan surah al-Furqan ayat 77. Makna Allah SWT pasti memustajabkan doa juga perlu difahami dengan maksud mustajab yang zahir dan mustajab yang ghaib iaitu di akhirat, agar nanti tidak lahir rasa putus asa dan kecewa terhadap Allah SWT.

Berdoa juga boleh dimasukkan dalam kategori zikir yang melibatkan hati dan lisan secara serentak, dan inilah antara sebaik-baik zikir menurut Imam Nawawi (1993: 10). Apabila perbuatan zahir melalui zikir dan penghayatan hati berlaku serentak, barulah dianggap sebagai amal soleh sebagaimana dinyatakan oleh Al-Ghazali (Mohd Rozmizi 2019: 24). Fakta-fakta yang dinyatakan jelas menunjukkan

kedudukan dan kepentingan doa dalam kehidupan seorang. Walaupun hakikat takdir Allah SWT telah ditentukan, namun oleh kerana manusia langsung tidak mengetahui ketentuan dan takdir tersebut, maka perintah doa ini adalah ikhtiar atau usaha untuk menilai keyakinan, kesungguhan dan ketaatan seseorang manusia kepada Allah SWT. Hasilnya, akan sentiasa timbul sifat takut dan berharap (*al-khauf wa al-raja'*) serta tawakkal yang tinggi kepadaNya sepanjang masa. Demikianlah pegangan ahli sunnah wa al-jamaah yang meletakkan kewajipan bagi setiap muslim untuk berdoa, dan sekiranya doa tersebut bertepatan dengan takdir Allah SWT, maka termakbulah sesuatu doa itu secara zahirnya (Al-Khattabi tt: 8). Namun jika sebaliknya, maka hikmah dari takdir Allah SWT itu mengatasi segala-galanya. Hatta, golongan bukan Islam juga turut berdoa kepada tuhan mereka untuk mendapatkan ketenangan dan kemudahan dalam urusan mereka (J. S. Bentzen 2021: 542).

Amalan doa yang dilakukan secara berulang-ulang dalam kehidupan seseorang juga boleh dikategorikan sebagai proses *tazakkur*. *Tazakkur* adalah satu ikatan manusia dengan Penciptanya melalui amalan yang dilakukan secara berulang-ulang (T. N. Husna 2019: 36). Menurut Yusuf al-Qaradawi, *tazakkur* adalah salah satu tugas akal yang paling tinggi. Justeru, berdoa boleh disimpulkan sebagai salah satu amalan yang berkait dengan kemahiran berfikir pada aras yang tinggi. Hal ini kerana seseorang yang berdoa dengan bersungguh-sungguh akan mengalami proses mengingat, menyebut, mengenang, mengucap, memuji, membesarakan, memikir dan memujuk ketika ia sedang berdoa.

Al-Quran dan hadith Nabi SAW menjelaskan banyak panduan dan perkara berkaitan doa ini. Secara lebih khusus, al-Quran sebagai sumber utama dalam Islam telah memaparkan pelbagai ayat-ayat yang dapat dikaitkan dengan doa walaupun terdapat dalam pelbagai konteks ayat (siyiq). Kajian ini dijalankan secara kualitatif dengan melalui peringkat-peringkat yang diadaptasi dari manhaj tafsir maudhu'i oleh Mustafa Muslim (1989: 37-38) sebagaimana berikut;

- i. Mengenalpasti ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan doa dengan melihat kepada ayat yang menyatakan tentang doa secara langsung sama ada terdapat kalimah (عَذَابٌ) dan pecahan kalimatnya ataupun tidak. Selain itu, carian juga digunakan dengan mencari kalimah (عَذَابٌ) dan pecahan kalimatnya dengan menggunakan enjin carian aplikasi al-Quran. Hanya penggunaan kalimah ini yang merujuk kepada makna doa dimasukkan dalam kajian ini.
- ii. Susun ayat berdasarkan masa turunnya, iaitu ayat-ayat Makkiyyah atau Madaniyyah.
- iii. Rujuk tafsiran bagi ayat-ayat secara terperinci (tahlili) melalui kitab-kitab tafsir dan mengetahui sebab nuzulnya jika ada.

iv. Menentukan pembahagian tema-tema sepunya antara ayat-ayat yang dikaji dan menghubungkaitkan antara ayat-ayat dalam tema yang sama. Penentuan tema ini adalah berdasarkan kefahaman pengkaji melalui tafsiran dan huraian yang didapati daripada kitab-kitab tafsir.

HURAIAN TEMA AYAT-AYAT BERKAITAN DOA

Setelah kaedah yang dinyatakan sebelum ini dilakukan, hasil kajian mendapat terdapat sebanyak 139 ayat berkaitan dengan doa yang menyentuh pelbagai aspek di dalam al-Quran. Ayat-ayat ini dibahagikan kepada beberapa tema kecil yang sepunya iaitu galakan dan kelebihan berdoa, larangan berdoa kepada selain dari Allah SWT, kebatilan berdoa kepada selain Allah SWT, tabiat manusia dalam berdoa, adab dan panduan berdoa serta ayat-ayat berkaitan doa. Berdasarkan ayat-ayat yang dikaji, istilah doa yang dinyatakan dalam ayat-ayat tersebut adalah gabungan antara makna doa secara istilah yang khusus iaitu perbuatan memohon dan meminta pertolongan ('aunah) kepada Allah SWT, dan makna doa merujuk kepada maksud beribadah kepada Allah SWT.

Galakan dan Kelebihan Berdoa

Terdapat 8 ayat yang didapati berkaitan dengan tema kecil ini iaitu 7 ayat dari surah-surah Makkiyah iaitu surah al-A'raf: 29, Ghafir: 14 dan 60, al-Sajadah: 16 dan 17, al-Thur: 28, manakala 2 ayat dari surah Madaniyyah iaitu surah al-Baqarah: 186 dan al-Tahrim: 8. Ayat-ayat ini walaupun memiliki konteks ayat (*siyaq*) ayat yang berbeza, namun membawakan perintah dan kelebihan-kelebihan berdoa yang pelbagai. Bermula dengan seruan berdoa dan beribadah mengikut syariat dengan adil dan benar sebagaimana dinyatakan dalam ayat 29 surah al-A'raf, di mana situasi ketika itu yang menunjukkan orang-orang musyrik melakukan ibadah tawaf dan berdoa tanpa berpakaian dengan sempurna (Ibn Kathir 2000: 4/83). Ini boleh ditakwilkan bahawa berdoa ini adalah ibadah yang mulia yang perlu dilakukan dengan cara dan matlamat yang betul. Selain itu, seorang muslim yang melazimi berdoa juga menunjukkan ciri hamba yang tunduk dan khuduk kepada Allah SWT, serta bebas dari perasaan takabbur dalam dirinya. Keadaan ini juga menunjukkan kemuliaan dan ketinggian sifat Allah SWT yang berbeza dengan manusia (Ibn Kathir 2000: 4/83). Manusia apabila didatangi dengan seseorang yang selalu meminta kepadanya, lama kelamaan dia akan menjadi marah. Namun Allah SWT bersifat sebaliknya, di mana semakin kerap hambaNya meminta semakin bertambah kasih sayangNya kepada manusia itu. Manakala mereka yang tidak meminta kepadaNya dianggap bersifat takabbur dan diancam dengan azab api neraka sebagaimana dinyatakan di akhir ayat 60 surah Ghafir.

Taubat, doa, pengampunan Allah SWT dan balasan syurga adalah empat perkara yang sangat berkait rapat. Bertaubat adalah kewajipan fardhu ain bagi setiap manusia pada sepanjang masa dan apa jua keadaan (Al-Qurtubi 2006: 21/96). Seseorang yang ingin bertaubat, pasti perlu melakukan perbuatan berdoa dengan bersungguh-sungguh kerana berdoa adalah wasilah atau jalan untuk bertaubat dan mendapatkan keampunan Allah SWT. Maka wajarlah sebagaimana dinyatakan dalam surah Ghafir: 60 bahawa mereka yang meninggalkan berdoa bakal dianjikan neraka buatnya, kerana meninggalkan berdoa juga bermaksud meninggalkan taubat. Sedangkan balasan bagi seseorang yang benar-benar bertaubat adalah sangat hebat iaitu dihapuskan segala dosa-dosanya dan mendapat ganjaran syurga (Al-Quran, 66:8). Allah SWT turut menarik perhatian manusia tentang betapa besarnya nilai memohon dan meminta ini dengan merakamkan perbualan ahli syurga yang mengimbau kembali apa yang mereka lakukan di dunia dahulu, iaitu sentiasa memohon dan meletakkan pengabdian hanya kepada Allah SWT Yang Maha Baik dan tinggi kasih dan ehsannya kepada umat manusia (Al-Quran, 52:28). Al-Sa'di (2013: 921) menyatakan doa yang dimaksudkan dalam ayat ini meliputi doa dalam hal ibadah mahupun doa yang berkait dengan masalah kehidupan manusia. Bahkan mereka sentiasa berusaha melakukan apa juga perkara yang mendekatkan diri mereka kepada Allah SWT pada setiap masa.

Kelebihan berdoa juga turut berkait rapat dengan ibadah qiamullail, di mana Allah SWT memberikan balasan yang besar bagi mereka yang berjaga di waktu malam dengan meninggalkan tempat tidur, bahkan berdoa dan melakukan ibadah yang lain dengan penuh kesedaran dan taqwa kepada Allah SWT (Al-Quran, 32:16-17). Keadaan mereka ini berbeza dengan orang-orang musyrik yang kekal menikmati tidur mereka dan langsung tidak mengambil masa malam itu untuk bertafakkur, bahkan mereka juga terjatuh dari katil mereka sebagaimana jatuhnya binatang ternak (Ibn 'Asyur tt.: 8/229). Kelebihan doa ini juga turut dikaitkan dengan keistimewaan doa pada bulan Ramadhan sebagaimana dinyatakan dalam surah al-Baqarah: 186. Konteks ayat (*siyaq*) ini adalah tentang perintah kefardhuan ibadah puasa di bulan Ramadhan, bulan yang melimpah segala keberkatan dan rahmat Allah SWT. Justeru, apabila ayat ini dinyatakan dalam konteks yang sama, menunjukkan betapa besarnya kelebihan ibadah doa lebih-lebih lagi apabila dilakukan pada bulan Ramadhan pada waktu malam dengan melakukan qiamullail, dan pada malam-malam al-Qadr. Pastinya situasi ini apabila digambarkan menyedarkan umat manusia betapa luasnya rahmat Allah SWT yang sentiasa terbuka untuk hamba-hambaNya, walaupun hanya dengan meminta sesuatu daripadaNya.

Dalam ayat ini juga Allah SWT menyatakan bahawa sesungguhnya dia sangat dekat dengan hambaNya dan akan memakbulkan doa-doa orang yang memohon kepadaNya. Namun, ada syaratnya iaitu hendaklah manusia mentaati perintah dan

laranganNya serta beriman dengan sepenuh keyakinan kepadaNya. Dalam hal ini Al-Syaukani (tt: 1/337) menyatakan bahawa Allah SWT akan memakbulkan doa seseorang dengan pelbagai cara mengikut kehendakNya. Kadangkala apa yang diminta oleh seseorang itu dimakbulkan dengan segera dan kadangkala sebaliknya. Ada juga keadaan seseorang itu terhindar dari sebarang bala yang tidak diketahuinya kerana sebab beriltizam dengan doa, walaupun doa yang dikehendakinya tidak didapati. Hal ini terikat dengan doa seseorang itu sama ada mengandungi unsur keterlaluan atau tidak. Sebagaimana dinyatakan dalam surah al-A'raf ayat 55 yang bermaksud, " *Berdoalah kepada Tuhan kamu dengan merendah diri dan (dengan suara) perlahan-lahan. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampaui batas.*") Al-Syaukani (tt: 1/338) turut menjelaskan contoh doa yang keterlaluan ini ialah seseorang memohon syurga setaraf dengan para Nabi, sedangkan dirinya tidak layak untuk kedudukan tersebut.

Larangan Berdoa Kepada Selain Dari Allah SWT

Para Nabi yang diutuskan oleh Allah SWT adalah penyampai risalah tauhid kepada umat manusia. Kegigihan dan usaha mereka menjalankan dan menyampaikan usaha dakwah pasti menghadapi pelbagai ujian dan rintangan yang berat. Namun, mereka tidak berputus asa bahkan tetap meletakkan pengharapan yang tertinggi kepada Allah SWT. Hal ini jelas dilihat melalui kisah-kisah para Nabi dari ayat-ayat al-Quran. Dalam surah al-Jin: 20, Allah SWT memerintahkan Rasulullah SAW agar menegaskan kepada kaumnya bahawa Baginda hanya meminta dan berdoa kepada Allah SWT semata-mata dan tidak sekali-kali akan menyekutukannya dengan sesuatu yang lain. Perkara ini juga berkait dengan niat dalam hal ibadah. Sebagai penekanan terhadap perkara ini, Allah SWT turut memaparkan bagaimana reaksi para Nabi yang menjauhkan diri mereka dari sembah-sembahan kaumnya sebagaimana ketegasan Nabi Ibrahim AS dalam ayat 48 surah Maryam. Baginda bukan sahaja menjauhkan tempat sembahannya berhala-berhala bapa dan kaumnya, bahkan menjauhkan dari mengikuti cara-cara kaumnya memohon kepada tuhan-tuhan mereka (Al-Razi 1981: 21/228).

Sebahagian besar manusia tidaklah meminta dan memohon dari berhala atau sembahannya yang lain semata-mata. Namun, kebanyakan manusia manusia mendakwa mereka berdoa kepada Allah SWT, namun dalam masa yang sama mereka turut bergantung harap dan meminta kepada makhluk yang lain sebagaimana dinyatakan dalam surah al-Syu'ara': 213, surah al-Qasas: 88 dan surah Yunus: 106. Inilah perbuatan syirik yang dilarang tegas dalam agama dan termasuk dalam dosa-dosa besar yang tidak diampunkan selagi seseorang itu belum bertaubat. Ibn 'Asyur menyatakan bahawa surah al-Syu'ara': 213 menunjukkan amaran kepada kaum musyrikin yang sengaja mensyirikkan Allah SWT dalam keadaan mereka mengetahui bahawa Nabi SAW tidak sekalipun mensyirikkanNya (Ibn 'Asyur tt.:

8/200). Mesej ini turut dinyatakan dalam ayat 66 surah Ghafir, walaupun larangan yang dimaksudkan bukan hanya pada larangan berdoa, malah mencakupi larangan yang lebih luas iaitu larangan mengabdikan diri kepada makhluk yang lain secara dalam hati, melalui lisan juga perbuatan.

Kebatilan Berdoa Kepada Selain Allah SWT

Ayat yang berkait dengan topik ini terdapat 27 ayat kesemuanya. Larangan daripada berdoa kepada selain Allah SWT memiliki sebab yang jelas dan sangat logik. Ayat 191-198 surah al-A'raf boleh dianggap sebagai antara ayat terawal yang menjelaskan hujah penolakan terhadap sembahana selain Allah SWT dengan jelas, kerana berdasarkan tempoh nuzul ayat, surah al-A'raf lebih awal turun berbanding ayat-ayat lain yang berkaitan dengan topik ini. Melalui surah al-A'raf ayat 191 hingga 198 ini, Allah SWT memberikan hujah-hujah yang konkrit terhadap perkara ini. Hujah pertama, adalah kerana sebarang sembahana selain Allah SWT adalah makhluk juga sebagaimana manusia. Justeru, mereka tidak mampu menciptakan apa-apa kerana mereka sendiri dicipta. Sembahana tersebut juga adalah makhluk yang mati, sedangkan Allah SWT sentiasa hidup selama-lamanya sebagaimana dinyatakan dalam surah al-Saffat: 65. Tiada yangelayaknya melainkan Allah SWT untuk memohon sesuatu dariNya kerana dialah satu-satunya Pencipta alam ini. Sembahana yang lain hanyalah sia-sia dan tidak mendatangkan sebarang faedah kepada manusia.

Hujah kedua, sebarang sembahana selain Allah SWT tidak mampu menolong manusia sedikitpun, bahkan menolong diri mereka sendiri pun tidak mampu. Mereka turut tidak berkuasa untuk mendatangkan manfaat mahupun mudarat kepada makhluk sedikitpun (Al-Quran, 17: 56, 6: 71, 40: 20, 22: 12-13). Bahkan jika manusia berdoa dan meminta kepada makhluk-makhluk ini, kemungkinan akan memberikan lebih mudarat kepada mereka berbanding manfaat. Mudarat yang bakal berlaku sama ada dari sudut kewangan, pemikiran dan sebagainya. Hakikatnya mereka mengalami kerugian dan kesesatan yang jauh di dunia dan akhirat. Oleh itu Allah SWT menyatakan dalam surah al-Mukminun: 117 bahawa penyembah kepada selain Allah SWT ini tidak memiliki hujah dan alasan yang kuat atas kelakuan mereka itu, melainkan atas dasar sangkaan (*dzon*) semata-mata yang akhirnya membawa mereka ke kancah dusta. Sedangkan sangkaan (*dzon*) tidak akan membawa manusia kepada kebenaran yang sebenar (Al-Syaukani tt: 2/644)

Hujah ketiga, sembahana itu tidak mampu memberi sebarang petunjuk kepada manusia. Oleh itu sama sahaja keadaannya jika manusia memohon kepadanya ataupun tidak. Dalam menghuraikan ayat 62 surah al-Naml, Al-Syaukani (tt: 4/194) menyatakan bahawa berdasarkan ayat ini Allah SWT memakbulkan doa sesiapa sahaja yang dalam keadaan kesusahan yang terdesak termasuklah doa dari orang kafir. Hal ini kerana ketika saat tersebut mereka benar-benar ikhlas meminta

kepadanya, tanpa menafikan bahawa apabila mereka terlepas dari kesulitan itu mereka akan kembali mensyirikkan Allah SWT. Hal ini turut dinyatakan dalam banyak ayat antaranya dalam surah Yunus: 22, al-An'am: 71 dan surah al-Ankabut: 65. Dalam surah al-Ahqaf ayat 5 dan 6 Allah SWT turut menyatakan bahawa golongan yang meminta kepada sembahannya selain Allah SWT adalah golongan yang sangat sesat kerana meminta kepada makhluk yang tidak dapat menyahut dan memberikan sebarang pertolongan bahkan tidak sembahannya itu langsung tidak menyedari bahawa ada makhluk lain meminta sesuatu darinya. Kesesatan ini berlaku di dunia dan berterusan sehingga ke hari akhirat.

Hujah keempat, sembahannya sembahannya ini tidak mempunyai anggota badan dan panca indera yang boleh berfungsi untuk memberikan faedah kepada penyembahnya. Anggota tangan dan kaki membolehkan makhluk melakukan pergerakan, manakala mata dan telinga adalah deria yang menyampaikan isyarat ke otak untuk ditafsirkan oleh otak sebagai maklumat. Namun, sembahannya sembahannya ini tiada kemampuan tersebut, yang dimiliki oleh manusia yang menyembahnya. Ini menunjukkan manusia itu sendiri jauh lebih berkuasa berbanding sembahannya sembahannya tersebut (Al-Razi 1981: 15/97). Keempat-empat hujah ini diulang semula dalam ayat 197 dan 198 surah al-A'raf sebagai kesimpulan kukuh yang menunjukkan perbuatan meminta dan berdoa kepada sembahannya selain Allah SWT sama ada kepada manusia, malaikat, patung, bukit bukau, laut dan sebagainya adalah perbuatan yang batil, sia-sia dan bertentangan dengan lojik akal manusia. Perumpamaan yang Allah SWT nyatakan bagi perbuatan berdoa kepada selainnya ini adalah seperti orang yang membentangkan kedua tapak tangannya kepada air supaya sampai ke mulutnya, padahal air itu sudah tentu tidak akan sampai kepadanya kerana tidak boleh ditakung dengan tangan yang terbentang atau terbuka (Al-Zamakhshari 2009: 537)

Tabiat Manusia Dalam Berdoa

Ayat-ayat yang dikenalpasti berkaitan tema ini terdapat 6 ayat iaitu surah al-Isra': 67, surah Yunus: 12 dan 22, surah al-Nahl: 53, surah al-Rum: 33 dan surah Fussilat: 51. Apa yang dimaksudkan dengan topik ini ialah sikap kebiasaan manusia dalam berdoa iaitu hanya memohon doa dengan ikhlas apabila berada dalam keadaan kesulitan dan kesempitan. Namun apabila kesusahan itu hilang, manusia menjadi lupa dan lalai untuk memohon doa dengan bersungguh-sungguh kepada Allah SWT. Mereka bukan tidak berdoa ketika senang, tetapi doa yang dipohon tidak hadir dengan sepenuh pengharapan kepada Allah SWT sebagaimana ketika saat susah. Justeru, lebih buruk lagi jika manusia itu langsung lupa kepada Allah SWT ketika dalam kesenangan.

5 daripada 6 ayat ini menggunakan kalimah (مسن) digandingkan dengan kalimah kesusahan atau kemudaratan seperti (مسأة ألسن)، (مسأة إنسان الضر)، (مسك الضر). Menurut

al-Ragib al-Asfahani, kalimah (مسنون) digunakan pada keadaan manusia menghadapi kesusahan atau kesulitan (1995: 766). Selain itu ia juga menunjukkan tahap kesusahan yang paling sedikit (Tafsir.net). Barangkali boleh ditakwilkan di sini bahawa tabiat manusia akan kembali mengingati dan berdoa kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh dan ikhlas walaupun mereka hanya ditimpah musibah atau kesusahan yang kecil sahaja. Begitu juga keadaannya apabila kesenangan yang sedikit sudah mula dirasai, segala kebergantungan dan keikhlasan dalam berdoa kepada Allah SWT terhakis dan berkurangan. Kesemua ayat-ayat yang dinyatakan di atas menunjukkan mesej yang sama walaupun gambaran situasi kesusahan yang dinyatakan berbeza, iaitu kesusahan di laut, dalam keadaan gelap gelita dan kesusahan secara umum.

Adab dan Panduan Berdoa

Ibadah doa juga memiliki tatacara dan adab yang tertentu yang turut dijelaskan di dalam al-Quran. Antara perkara penting dan utama dalam berdoa adalah persediaan hati. Dalam surah al-A'raf: 55 menunjukkan bahawa orang yang berdoa perlu memiliki sifat *tadharru'* iaitu merasakan dirinya hina, rendah hati dan sentiasa bersedia melakukan ketaatan kepada Allah SWT. Selain itu sifat *khufyah* juga perlu seiring, iaitu doa dilakukan secara tersembunyi tanpa pengetahuan orang lain, serta rasa gerun dan takut akan kehebatan Allah SWT dan meyakini keesaanNya. Bukannya berdoa dengan keras dan lantang dan berasa ragu dengan kekuasaan Allah SWT sebagaimana sifat orang-orang munafik (Al-Tabari 1994: 3/448). Doa yang diajukan perlu dituturkan dengan nada yang sederhana, tidak terlalu berbisik sehingga tidak kedengaran butiran doa yang dibaca dan tidak juga terlalu kuat dan keras sehingga tidak timbul kekhusukan dalam berdoa (Al-Quran, 17: 110)

Seterusnya, berdoa hendaklah dimulakan dengan menyebut nama-nama Allah Asma' al-Husna yang mulia. Apa juga nama-nama Allah SWT boleh digunakan. Dalam surah al-A'raf: 110, konteks ayat ini adalah pertikaian orang-orang musyrikin Mekah terhadap seruan Nabi SAW kepada Allah SWT dalam sujud Baginda dengan nama *al-Rahman* dan *al-Rahim*. Mereka mengatakan Nabi SAW menyeru kepada 2 tuhan. Lantas Allah SWT menyatakan dalam ayat ini bahawa kamu bebas menggunakan apa-apa sahaja nama-nama Allah SWT dengan niat yang ikhlas (Ibn Kathir 2000: 3/72). Dalam hal ini boleh sahaja menggunakan nama Allah yang bersifat mutlak seperti *al-Rahman*, *al-Ghaffar*, *al-Sami'* dan sebagainya, mahupun nama Allah SWT yang disandarkan dengan sesuatu yang lain seperti *Ya Sami' al-du'a*, *Ya Arham al-Rahimin*, *Ya Khair al-Warithin* dan sebaginya.

Selain itu, digalakkan untuk memulakan doa dengan pujian (*al-thana'*) kepada Allah SWT sama ada dengan zikir tasbih, tahmid dan sebagainya. Sebagaimana doa nabi Yunus AS ketika ditelan ikan yu dalam surah al-Anbiya': 87. Beliau memulakan

doanya dengan lafaz tahlil sebagai bukti mengakui kesempurnaan uluhayyah Allah SWT, kemudian ucapan tasbih yang menafikan Allah SWT dari segala kekurangan dan *al-i'tiraf* yang menunjukkan pengakuan dan kekesalannya terhadap kesalahan dirinya sendiri yang bertindak zalim dan tidak bersabar atas tindakan kaumnya (Al-Sa'di 2013: 588). Ayat-ayat al-Quran juga menunjukkan bagaimana para Nabi berdoa kepada Allah SWT dengan menyatakan situasi kesusahan yang mereka hadapi untuk menunjukkan lemahnya diri mereka sebagai manusia, dan hanya Allah SWT yang mampu menyelesaikan masalah mereka. Hal ini boleh dilihat dari doa nabi Ayyub AS dalam surah al-Anbiya': 83 dan doa nabi Zakariyya ayat 89 dalam surah yang sama. Al-Alusi (tt: 17/87) menyatakan dalam doa Nabi Zakariyya dalam ayat tersebut, bahawa lafaz (وَأَنْتَ خَيْرُ الْوَارثَيْنَ) memberikan setunggi-tinggi puji bahawa Allah Yang Maha kekal atas segala makhluk yang bakal mati dan binasa, dan hanya Allah yang berkuasa mewarisi dan meneruskan keturunan manusia.

Adab dalam berdoa bukan sahaja terikat dengan panduan ketika seseorang berdoa, tetapi turut berkait dengan perilaku seseorang itu setelah sesi berdoa itu selesai. Antaranya dalam surah al-Kahfi: 28, dapat diambil pengajaran tentang pentingnya berterusan dan melazimi doa dalam kehidupan dan berdamping dengan orang-orang yang sentiasa berdoa ini. Tabiat berdoa ketika tempoh kesusahan sahaja sebagaimana dinyatakan dalam topik sebelum ini, menunjukkan kurangnya keikhlasan seseorang itu dalam berdoa, sedangkan doa yang ikhlas akan dimakbulkan oleh Allah SWT (Al-Quran, 40: 65) (Himasatul 2019: 258). Melalui surah al-Anbiya ayat 83 hingga 89 Allah SWT memaparkan situasi beberapa orang Nabi dalam berdoa secara ringkas iaitu nabi Ayub, Ismail, Idris, Zulkifli, Yunus dan Zakaria. Ayat-ayat ini bukan sahaja menyatakan cara mereka menghadapi ujian dan berdoa, malah menunjukkan sikap mereka berhadapan situasi tersebut. Antaranya mereka sentiasa bersabar (Al-Quran, 21: 85). Mereka bersabar dalam menjalankan ketaatan kepada Allah SWT, bersabar dari melakukan maksiat dan bersabar dalam menghadapi ujian-ujian yang menyakitkan dari persekitaran ataupun diri sendiri. Ini menunjukkan bahawa para Nabi AS ini menyempurnakan hak-hak Allah SWT. Mereka juga disifatkan sebagai orang yang soleh. Soleh atau berperilaku yang baik ini mencakupi baik dari sudut imannya, kebergantungan yang tinggi kepada Allah SWT, baik dari segi perkataannya dan amal perbuatan. Sifat-sifat ini membolehkan mereka mendapat rahmat Allah SWT dan dimakbulkan doanya (Al-Sa'di 2013: 316), di samping memangkinkan kendiri mereka untuk berhadapan dengan sebarang situasi dalam kehidupan (Ahmad Zaki, et. al 2022: 7432). Selain itu, dalam ayat 90, dinyatakan bahawa mereka juga sentiasa bersegera melakukan kebaikan dengan kemampuan yang ada pada mereka. Sifat-sifat sabar, soleh dan bersegera melakukan kebaikan ini adalah perkara yang menarik rahmat dan kasih sayang Allah SWT, justeru memperkenankan doa-doa mereka yang bersifat sedemikian.

Ayat-Ayat Doa

Menurut Ibn Qayyim, doa dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu doa yang merupakan puji-pujian kepada Allah SWT, dan juga doa permohonan atau permintaan (Nor Bazila 2017: 297). Ini menunjukkan lafaz dan tema doa itu luas. Sebahagian besar ayat-ayat yang dikenalpasti berkaitan doa adalah berkait dengan topik ayat-ayat doa ini. Lebih dari 50 ayat menunjukkan doa-doa yang dipanjangkan oleh peribadi-peribadi yang berkaitan di dalam al-Quran. Ayat-ayat ini kebanyakannya dikenalpasti melalui bentuk *jumlah insyaiyyah* yang membawa kepada tuntutan sesuatu perkara itu dilakukan (*tolab*), seperti ayat yang berbentuk perintah (*amr*), larangan (*nahu*), harapan (*tamanni*) dan ayat seru (*nida'*). Ayat-ayat yang berkaitan didapati merangkumi pelbagai tema dan tujuan doa merangkumi tujuan-tujuan berikut;

i. *Istighfar*

Doa istighfar ialah doa-doa yang bertujuan untuk memohon keampunan dari sebarang dosa dan kelalaian yang dilakukan oleh manusia. Dalam hal ini, doa-doa memohon keampunan biasanya dikaitkan dengan pengakuan manusia yang menzalimi dirinya sendiri seperti dalam surah al-Qasas: 16. Selain itu, doa istighfar juga ada yang dikaitkan dengan unsur memohon pertolongan atas orang kafir (*intisar*) sebagaimana dalam surah Nuh ayat 27-28. Ayat-ayat lain yang berkaitan dengan doa istighfar ialah surah al-Syu'ara': 86, Ibrahim: 41, al-Mukminun: 109, Ali 'Imran: 16, 147 dan al-Hasyr: 10. Kelainan surah Ghafir: 7 hingga 9 menunjukkan doa istighfar yang dipanjangkan oleh malaikat buat orang-orang beriman, selain itu malaikat turut memohonkan *isti'azah* dari perkara yang tidak diingini di dunia dan di akhirat.

ii. *Isti'azah*

Doa isti'azah ialah doa-doa yang bertujuan memohon perlindungan Allah SWT dari syaitan, ujian orang-orang kafir dan orang-orang zalim, syirik, angkara sihir, hasutan syaitan, kesusahan di hari kebangkitan dan azab neraka. Ayat-ayat yang berkaitan adalah surah al-Furqan: 65, al-Syu'ara': 87, Yunus: 85-86, al-Baqarah: 201, al-Dukhan: 12, Ibrahim: 35 dan al-Tahrim: 11, surah al-Falaq dan surah al-Nas.

iii. *Istianah*

Doa isti'anah pula ialah doa-doa yang bertujuan memohon pertolongan dari Allah SWT dalam pelbagai masalah kehidupan yang dihadapi oleh pemohnnya. Antara perkara yang dikenalpasti dari ayat-ayat tersebut ialah ujian kesukaran hidup seperti surah al-Qasas: 24, ujian penyakit dalam ayat 83 surah al-Anbiya', ujian ketiadaan zuriat pada surah al-A'raf: 189, al-Furqan: 74, Maryam: 2-6 dan Hud: 45, doa mohon diberikan rezeki pada surah al-Maidah: 114, surah Ibrahim: 37 dan permohonan agar nazar diterima dalam surah Ali 'Imran: 35.

4. *Istiqamah wa al-irsyad*

Doa berkaitan *Istiqamah wa al-irsyad* adalah merujuk kepada doa-doa permohonan agar diberikan hidayah dan petunjuk, dikuatkan keimanan, ditunjukkan hikmah serta kebenaran dan diteguhkan pendirian atas jalan Islam dan dakwah. Ayat-ayat berkaitan tema doa ini seperti dalam surah al-A'raf: 89, al-Syu'ara': 83-84, al-Baqarah: 250, 286, al-Kahfi: 10, Ibrahim: 37 dan 40, al-Baqarah: 127-129, Ali 'Imran: 8-9, 53, 191 dan al-Maidah: 83.

5. *Intisar*

Doa-doa dalam kategori ini berkisar tentang permohonan kepada Allah SWT agar Islam diberikan kemenangan dan kekalahan atau kehancuran buat orang-orang kafir. Di antara ayat-ayat yang berkaitan ialah surah Yunus: 88, al-Baqarah: 250, Nuh: 26, Ali 'Imran: 147, 192, 194, al-Mumtahanah: 5, al-Nisa': 75,

Walau bagaimanapun, sebahagian ayat mencakupi lebih dari 1 tema doa dan pembahagian ini adalah berdasarkan tema yang dilihat lebih kuat dengan konteks (siyaq) ayat yang dibincangkan.

KESIMPULAN

Ibadah doa ini menunjukkan keluasan rahmat dan kasih sayang Allah SWT kepada para hambaNya. Ayat-ayat al-Quran yang dikenalpasti berkaitan dengan ibadah ini, terdapat secara seimbang antara surah Makkiyyah dan Madaniyyah. Secara jelas, ayat-ayat doa lebih banyak terkandung di dalam al-Quran berbanding tema-tema yang lain iaitu tema galakan dan kelebihan berdoa, larangan berdoa kepada selain dari Allah SWT, kebatilan berdoa kepada selain Allah SWT, tabiat manusia dalam berdoa serta adab dan panduan berdoa.

RUJUKAN

- Abu Daud, Sulayman b. Asy'ath. (n.d). *Sunan Abu Daud*. Beirut: Dar al-Ta'sil Markaz al-Buhuth wa Taqniyat al-Ma'lumat. cet. 1. jil. 3.
- Al-Alusi, Shihabuddin Mahmud. (n.d.). *Ruh al-ma'anî*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi.
- Al-Asfahani, Raghib. (1995). *Al-Mufradat fi gharib al-Quran*. Beirut: Dar al-Qalam.
- Al-Khattabi, A. Su. H. bin M. b I. (1992). *Sya'n al-du'a* (Cet. 1). Beirut: Dar al-Thaqafah al-'Arabiyyah.
- Al-Nawawi, Abi Zakariyya Yahya. (1993). *Kitab al-azkar*. Beirut: Maktabah Dar al-Bayan. cet. 2.
- Al-Tabari, Muhammad Ibn Jarir. (1994). *Jami' al-bayan 'an ta'wil ay al-Quran*.

- Beirut: Muassasah al-Risalah. cet. 1.
- Al-Qurtubi. Abu Muhammad Abdullah b. Ahmad. (2006). *Al-Jami' li ahkam al-Quran*. Beirut: Muassasah al-Risalah. cet. 1. jil. 21.
- Al-Razi, Muhammad Fakhruddin. (1981). *Mafatih al-ghaib*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Qardhawi. (1998). Al-Quran berbicara tentang akal dan ilmu pengetahuan (Pertama). Jakarta: Gema Insani Press.
- Al-Sa'di, Abd al-Rahman b. Nasir. (2013). *Taisir al-Karim al-Rahman*. Iskandariah: Dar al-Dakwah. cet. 1.
- Al-Syaukani, Muhammad b. Ali b. Muhammad. (n.d.). *Fath al-qadir*. Beirut: Dar al-Wafa.
- Al-Zamakhshari, Mahmud b. Umar. (2009). *Tafsir al-kasasyaf*. Beirut: Dar al-Makrifat. Cet. 3.
- A. Z. Hassan, Z. A. Rahman, et. al. (2022). Relationship between Tawakal, Resilience, Internal and External Factors of Mental Health Disorders in A Healthy Sustainable Soul According to Islamic Psychotherapy in COVID 19 Pandemic. *International Journal of Special Education*, 37(3), 7426-7438.
- Himasatul Istiqamah. (2019). Analisis morfologi doa dalam al-Qur'an surat al-Baqarah 186. *Arabiyatun : Jurnal Bahasa Arab*, 3(2), 251-260.
- Ibn 'Asyur, Muhammad al-Tahir. (n.d.). *Al-Tahrir wa al-tanwir*. Tunisia: Dar Sujun li al-Nasyr wa al-Tauzi'.
- Ibn Kathir, Imaduddin Ismail b. Kathir. (2000). *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi. cet. 1. jil. 4.
- J. S. Bentzen (2021). In crisis, we pray: Religiosity and the COVID-19 pandemic. *Journal of Economic Behavior and Organization*, 192, 541-583.
- M. R. A. Rahman (2019). Imam al-Ghazali on the balance observence of ibadah (devotional act): an enduring legacy to the muslim world. *Jurnal Al-Abqari*, 19(Oct): 22-32.
- Muslim, M. (1989). *Mabahith fi al-tafsir al-maudhu'i*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Shafei, Nor Bazila. Nazri, Mohd Arif. 2017. Kedudukan hadith dalam buku 'doa-doa mustajab harian' yang dipetik daripada hadith dan al-Quran: Kajian Takhrij Hadith. *Jurnal Al-Banjari*, 16(2), 296-306.
- T. N. Husna, Hasanah, A. K, et. al. (2019). Kemahiran berfikir aras tinggi melalui pendekatan al-tadzakkur. *Jurnal al-Abqari*, 19(Oct), 33-45.
- Tafsir.net. *Ma'na al-mas fi al-Quran*. <https://vb.tafsir.net/forum/> /37659--المس--في-القرآن/. Dilihat pada 28 Oktober 2021.